

Headline	Arul optimis wajah baharu UniKL		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	17 Jan 2019	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Sukan	Page No	54
ArticleSize	248 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 12,691		



## Arul optimis wajah baharu UniKL

PENGENDALI Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Arul Selvaraj melahirkan keyakinan dengan wajah baharu pasukannya untuk membawa cabaran bagi berdepan juara Piala Tan Sri P Alagendra, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam aksi ketiga Liga Hoki Malaysia di Stadium Tengku Abdullah, Bangi esok.

Menurutnya, pertemuan itu akan menjadi perlawanan yang berbeza sama sekali berbanding ketika mereka tewas 0-3 kepada lawan yang sama pada aksi separuh akhir Piala Tan Sri P Alagendra dua minggu lalu.

"Kini kami sudah bersedia dan kesemua pemain import sudah tiba dan mereka amat berpengalaman. Saya jangkakan perlawanan itu nanti akan seimbang, bagaimanapun corak permainan pastinya ada sedikit kelainan berbanding sebelum ini.


"Walaupun TNB masih dilihat sebagai pasukan pilihan yang diperkuatkan dengan 10 pemain kebangsaan, namun kita turut memiliki kelebihan apabila majoriti pemain import kami pernah beraksi pada Piala Dunia di Bhubaneswar, India dan mereka tahu bagaimana untuk memenangi perlawanan," kata Arul.

Buat pertama kali dalam kempen ini, UniKL memper-taruhkan lima daripada enam pemain import - Martijn Havenga, Valentin Verga dan Robbert Kemperman (Belanda), bersama pemain Australia, Timothy Deavin dan Kieran Govers ketika mencatat kemenangan 2-1 ke atas UiTM, Ahad lalu.

Hanya David Harte tidak diturunkan dalam aksi tersebut dan Arul menegaskan, penjaga gol Ireland itu dalam proses pemulihan susulan kecederaan pangkal paha.

Selain daripada enam pemain import tersebut, UniKL juga akan terus mengharapkan sentuhan kapten negara, Sukri Mutalib selain pakar pukulan sudut penalti, Razie Abdul Rahim dan Marhan Jalil dalam menghadapi per-tembungan 'buku dan ruas' itu.

TNB dalam prestasi terbaik selepas membelasah Nur Insafi 10-0 dan menewaskan UiTM 4-1 sebelum ini untuk menghuni tangga teratas liga dengan enam mata manakala UniKL di kedudukan ketiga selepas mengutip tiga mata.



Kemperman bakal memperkuat pasukan UniKL dalam pertemuan menentang TNB esok.